

14 JUL 1998

DR MAHATHIR HARAP JEPUN AMBILKIRA MASALAH ASIA TENGGARA

KUALA LUMPUR, 14 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berharap kerajaan dan pimpinan baru Jepun akan mempunyai sikap untuk mengambilkira masalah di Asia Tenggara.

Mengulas mengenai perletakan jawatan Perdana Menteri Jepun, Ryutaro Hashimoto, beliau berkata: "Kita terkejut jugalah yang dia kalah begitu teruk".

"Bagaimanapun kita berharap kerajaan dan pemimpin baru Jepun akan mempunyai sikap mengambilkira masalah di Asia tenggara," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di Bandar Tun Razak di sini, hari ini.

Hashimoto meletakkan jawatan selepas Parti Liberal Demokratik (LDP) pimpinannya tewas dalam pilihan raya Dewan Senat Jepun.

-- BERNAMA

MAM oba